

PROSEDUR PENGIMPORAN KAYU DAN KELUARAN KAYU

1. Pemohon hendaklah menggunakan Borang Permohonan Untuk Mengimport yang boleh dimuat turun dari paparan laman sesawang (website) MTIB www.mtib.gov.my atau mendapatkan borang melalui pejabat-pejabat MTIB Wilayah yang berhampiran.
2. Waktu berurusan untuk pengeluaran lesen dengan Ibu Pejabat MTIB dan pejabat MTIB Wilayah:

Pejabat MTIB	Hari	Waktu Berurusan
Ibu Pejabat (Kuala Lumpur), Klang, Butterworth, Kuantan	Isnin – Khamis	8.30 pagi – 4.30 ptg <i>Rehat : 1.00 ptg - 2.00 ptg</i>
	Jumaat	8.30 pagi – 4.30 ptg <i>Rehat : 12.15 t/ghari - 2.45 ptg</i>
Johor Bahru, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Bukit Kayu Hitam	Ahad – Rabu	8.30 pagi – 4.30 ptg
	Khamis	8.30 pagi – 3.00 ptg <i>Rehat : 1.00 ptgi - 2.00 ptg</i>
Ditutup pada Hari Kelepasan Am Persekutuan dan Negeri		

3. Syarikat pengimport mestilah berdaftar dengan MTIB selaras dengan Akta 105.
4. Untuk pendaftaran syarikat Sdn Bhd perlu mengemukakan :
 - (i) Borang Permohonan Untuk Mengimport yang lengkap diisikan;
 - (ii) Salinan 'Memorandum and Articles of Association', salinan Borang 24 (Senarai Pemegang Saham) dan salinan Borang 49 (Senarai Lembaga Pengarah) yang telah disahkan; dan
 - (iii) Surat Perakuan Pesuruhjaya Sumpah yang telah ditandatangani.

Bagi pendaftaran perniagaan Milikan Tunggal/Perkongsian perlu mengemukakan :

- (i) Borang Permohonan Untuk Mengimport yang lengkap diisikan;
- (ii) Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, salinan Lesen Perniagaan (Borang B);
- (iii) Salinan Penyata Akaun Bank 3 bulan terkini (berturut-turut) yang telah disahkan; dan Surat Perakuan Pesuruhjaya Sumpah yang telah ditandatangani.

Untuk pengimportan kayu balak (termasuk kayu jaras) dan *Baulks* (item no. 5 – 11 adalah terpakai).

5. Salinan perjanjian jual beli/kontrak bekalan yang dibuat dengan pembekal luar negara dan disahkan oleh pihak kedutaan Malaysia di negara-negara tropika tertentu berkenaan (Thailand, Laos, Cambodia, Vietnam, Singapura, Papua New Guinea, Kepulauan Solomon, Timor Leste) atau pihak berkuasa/badan/agensi yang diiktiraf oleh kerajaan negara berkenaan (Myanmar, Filipina) perlu dimajukan kepada MTIB.
6. Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Import dan Eksport (MJIE). Sekiranya diluluskan, MTIB akan mengeluarkan Surat Kelulusan untuk mengimport bagi tempoh setahun dari tarikh surat dikeluarkan dan menyatakan jumlah kuantiti yang dibenarkan import.
7. Apabila konsignasi kayu balak dan *Baulks* tiba di pintu masuk atau pelabuhan atau tempat pendaratan yang sah, pengimport boleh mengemukakan permohonan lesen import kepada mana-mana pejabat MTIB Wilayah` yang berhampiran dengan membawa Surat Kelulusan untuk mengimport yang masih sah tempoh, Sijil Negara Asal (*Certificate of Origin*)/Borang D negara pengeksport yang sah, *invois*, *packing lists* dan *bill of lading*. Juga pengimport perlu mengemukakan salah satu dokumen "*legality*" yang dinyatakan pada para 25 dalam prosedur ini.
8. Pengimport diwajibkan memohon pemeriksaan fizikal (*inspection*) kepada MTIB untuk konsignasi kayu balak dan *Baulks*.
9. MTIB akan menjalankan pemeriksaan fizikal (*inspection*) secara 100% ke atas lesen import dan pengikraran (*declaration*) konsignasi kayu mengikut kaedah berikut :.
 - (i) Bagi lesen import yang diperiksa, MTIB akan menjalankan pemeriksaan fizikal di lokasi konsignasi kayu berada dan pengesahan pemeriksaan akan dibuat samada diluluskan atau tidak diluluskan dan bagi konsignasi yang berkesalahan akan diambil tindakan.
 - (ii) Konsignasi yang diluluskan akan dicop (*stamped*) "**Telah Diperiksa**" dan pengimport boleh membuat pengisytiharan (*declaration*) seterusnya kepada pihak Kastam.

(iii) Bagi pemeriksaan fizikal yang tidak diluluskan, pengimport perlu membuat pengisytiharan (*declaration*) semula yang lengkap dan akan dijalankan pemeriksaan rapi MTIB sebelum diluluskan. Jika pengisytiharan (*declaration*) masih lagi berkesalahan, tindakan akan diambil untuk menahan konsignasi kayu.

10. Pengimport perlu mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pertanian (DoA) dengan memohon permit import bagi tujuan pemeriksaan kuarantin dan pengesahan Sijil Fitosanitasi (*Phytosanitary Certificate*) serta memberikan nama saintifik kayu.
11. Pengimport juga perlu memperolehi kelulusan daripada Jabatan Perhutanan Negeri bagi urusan bayaran royalti dan pengeluaran Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan.

Untuk pengimportan papan lapis (*plywood*) termasuk venir berlaminasi, papan partikel/serpai, papan gentian dan kayu gergaji (*item no. 12 – 16 adalah terpakai*)

12. Permohonan pendaftaran yang lengkap akan diluluskan dan MTIB akan mengeluarkan Surat Kelulusan untuk mengimport bagi tempoh setahun dari tarikh surat dikeluarkan.
13. Apabila konsignasi papan lapis (*plywood*) termasuk venir berlaminasi, papan partikel/serpai, papan gentian dan kayu gergaji tiba di pintu masuk atau pelabuhan atau tempat pendaratan yang sah, pengimport boleh mengemukakan permohonan lesen import (JK69) kepada mana-mana pejabat MTIB Wilayah yang berhampiran dengan membawa Surat Pengesahan sebagai Pengimport yang masih sah tempoh, Sijil Negara Asal (*Certificate of Origin*)/Borang D negara pengeksport yang sah, *invois*, *packing lists* dan *bill of lading* serta perlu mengemukakan salah satu dokumen "legality" yang dinyatakan pada para 24 dalam prosedur ini.
14. Pengimport diwajibkan memohon pemeriksaan fizikal (*inspection*) kepada MTIB untuk konsignasi papan lapis (*plywood*) termasuk venir berlaminasi, papan partikel/serpai, papan gentian dan kayu gergaji
15. MTIB akan menjalankan pemeriksaan fizikal (*inspection*) secara rawak (*random*) ke atas lesen import (JK69) dan pengikraran (*declaration*) konsignasi kayu mengikut kaedah berikut:

- (i) Bagi lesen import (JK69) yang diperiksa, MTIB akan menjalankan pemeriksaan fizikal di lokasi konsignasi kayu berada dan pengesahan pemeriksaan akan dibuat samada diluluskan atau tidak diluluskan.
- (ii) Bagi pemeriksaan fizikal yang diluluskan akan dicop (*stamped*) "**Telah Diperiksa**" dan pengimport boleh membuat pengisytiharan (*declaration*) seterusnya kepada pihak Kastam.
- (iii) Bagi lesen import yang tidak diperiksa dan diluluskan akan dicop (*stamped*) "**Diluluskan Tanpa Pemeriksaan Fizikal**". Pengimport boleh terus membuat pengisytiharan (*declaration*) kepada pihak Kastam.
- (i) Bagi pemeriksaan fizikal yang tidak diluluskan, pengimport perlu membuat pengisytiharan (*declaration*) semula yang lengkap dan akan dijalankan pemeriksaan rapi MTIB sebelum diluluskan. Jika pengisytiharan (*declaration*) masih lagi berkesalahan, tindakan akan diambil untuk menahan konsignasi kayu.

16. Pengimport perlu mematuhi peraturan agensi lain, yang dikuatkuasakan iaitu Jabatan Pertanian (DoA) dengan memohon permit import (jika berkaitan) bagi tujuan pemeriksaan kuarantin dan pengesahan Sijil Fitosanitasi (*Phytosanitary Certificate*) serta memberikan nama saintifik kayu (untuk kayu gergaji sahaja).

Untuk pengimportan kayu bakau (*item no. 17 – 23 adalah terpakai*)

- 17. Permohonan pendaftaran yang lengkap akan diluluskan dan MTIB akan mengeluarkan Surat Kelulusan untuk mengimport bagi tempoh setahun dari tarikh surat dikeluarkan.
- 18. Apabila konsignasi kayu bakau tiba di pintu masuk atau pelabuhan atau tempat pendaratan yang sah, pengimport boleh mengemukakan permohonan lesen import (JK69) kepada mana-mana pejabat MTIB Wilayah yang berhampiran dengan membawa Surat Kelulusan untuk mengimport berserta *invois/manifest/resit bayaran/packing lists*/lain-lain maklumat dari negara pengeksport, jika ada.
- 19. Sekiranya lengkap, pejabat MTIB Wilayah akan mengeluarkan lesen import (JK69) dan menyatakan jumlah kuantiti yang dibenarkan import.

20. Pengimport diwajibkan memohon pemeriksaan fizikal (*inspection*) kepada MTIB untuk konsignasi kayu bakau di pintu masuk atau pelabuhan atau tempat pendaratan yang sah yang diwartakan oleh pihak Kastam.
 21. Apabila konsignasi kayu bakau tiba di pintu masuk atau pelabuhan atau tempat pendaratan yang sah, pengimport dikehendaki mengemukakan lesen import (JK69) serta dokumen berkaitan, jika ada, kepada pihak Kastam bagi mendapatkan Borang Kastam No. 1 (K1).
 22. MTIB dan pihak Kastam boleh membuat pemeriksaan fizikal (*inspection*) secara bersama mengikut kesesuaian agensi. Sekiranya pengikraran (*declaration*) adalah betul dan lengkap, MTIB akan menurunkan tandatangan dan membuat pengesahan tanda cop MTIB ke atas K1 tersebut.
 23. Pengimport juga perlu memperolehi kelulusan daripada Jabatan Perhutanan Negeri bagi urusan bayaran royalti dan pengeluaran Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan.
-
24. Bermula **1 Julai 2017**, MTIB mengenakan keperluan pengesahan sumber "**legality**" ke atas pengimportan kayu dan keluaran kayu di mana **salah satu dokumen** berikut hendaklah dikemukakan semasa pemeriksaan fizikal selain daripada dokumen yang berkaitan iaitu :
 - a) Lesen FLEGT; atau
 - b) *Certificate of Timber Certification* (PEFC, MTCS); atau
 - c) *Certificate of Voluntary Legality Scheme*; atau
 - d) *Legality Document* dikeluarkan oleh Agensi/Badan/Persatuan berkaitan yang diiktiraf; atau
 - e) *Self-Declaration* yang disahkan oleh Pihak Ketiga Yang Berkelayakan; atau
 - f) Salinan *Customs Declaration* dari negara pengeksport.
 25. Untuk pengimportan spesies kayu terancam yang disenaraikan di dalam Jadual Ketiga, Akta 686, permit eksport CITES negara pengeksport mestilah dikemukakan lebih awal kepada MTIB untuk mendapatkan pengesahan dari negara pengeluar ke atas permit berkenaan sebelum permit import CITES dikeluarkan oleh MTIB.
 26. Tempoh sah lesen import adalah **60 hari** dari tarikh dikeluarkan.

27. Pihak Kastam akan memastikan semua keperluan dan peraturan telah dilaksanakan sebelum memberi pelepasan (*clearance*) ke dalam Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).
28. Sebarang urusan dan pertanyaan berkaitan dengan pengimportan hendaklah dimajukan kepada Ibu Pejabat MTIB dan pejabat MTIB Wilayah di alamat berikut :

Pejabat MTIB
Pengarah Pelesenan & Inspektorat Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Tingkat 13-17, Menara PGRM, No. 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras 50728 KUALA LUMPUR Tel : 03 – 9282 2235 Fax : 03 – 9285 1744 Website : www.mtib.gov.my
Ketua MTIB Wilayah Utara Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia No. 8, Jalan Todak 5 Pusat Bandar Sunway 13700 SEBERANG JAYA Pulau Pinang Tel : 04 - 3983358 Fax : 04 - 3998358
Ketua MTIB Wilayah Tengah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia No. 29, Lorong Batu Nilam, 10-A, Bandar Bukit Tinggi 41200 KELANG Selangor Tel : 03 – 3324 3063 Fax : 03 – 3324 3753
Ketua MTIB Wilayah Selatan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia No. 25-02, Jalan Bestari 1/4 Taman Nusa Bestari 81300 SKUDAI Johor Bharu Tel : 07 – 5116672 / 5116682 Fax : 07 – 5116787

Ketua MTIB Wilayah Timur
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
PT 436, Bandar Baru Tunjung
Jalan Kuala Krai
15100 KOTA BHARU
Kelantan
Tel : 09 – 7483824 / 7481867
Fax : 09 – 7477343

Penolong Ketua MTIB Wilayah Timur
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
B-54, Jalan IM 3/10, BIM Point
Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
Pahang
Tel : 09 – 5735062 / 5735063
Fax : 09 – 5735064

Penolong Ketua MTIB Wilayah Timur
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
472-G, Jalan Kamaruddin
20400 KUALA TERENGGANU
Terengganu
Tel : 09 - 6262711
Fax : 09 - 6262712


Dikeluarkan oleh :

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
14 Ogos 2020

SENARAI PRODUK KAYU DAN KELUARAN KAYU MEMERLUKAN LESEN IMPORT

No.	Jenis Barangan Kayu/ <i>Description of Timber Products</i>	Kod Kastam/ <i>Customs Code</i>
1.	Balak, Baulks (<i>Logs; wood in the rough, whether or not stripped of its bark or merely roughed down; wood roughly squared or half-squared but not further manufactured; and baulks</i>)	4403
2.	Kayu Bakau (<i>Poles and piles of Bakau-Rhizophora spp</i>)	4403 99 9000
3.	Kayu Gergaji (<i>Sawntimber</i>)	4407
4.	Papan Partikel/Serpai (<i>Particle Board</i>)	4410
5.	Papan Gentian (<i>Fibre Board</i>)	4411
6.	Papan Lapis dan venir berlaminasi (<i>Plywood, veneered panel and similar laminated wood</i>)	4412

CARTA ALIRAN PROSES
PERMOHONAN IMPORT KAYU DAN KELUARAN KAYU
 (untuk balak (*termasuk kayu jaras*) dan *Baulks* sahaja)



CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN IMPORT KAYU DAN KELUARAN KAYU

(untuk kayu bakau, papan lapis termasuk venir berlaminasi, kayu gergaji, Papan partikel/serpai dan Papan Gentian)

